



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-HUKMI

PANDANGAN FATWA MENGENAI PENGURUSAN PERKAKAS MASJID LAMA

Merujuk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bertarikh 11 Mei 1970 yang menjelaskan tentang Pengurusan Perkakas Lama Masjid;

1. Segala perkakas bangunan itu yang masih boleh dipakai (digunakan);
 - i. Jika sesuai hendaklah digunakan untuk bangunan (masjid) baru.
 - ii. Jika tidak; hendaklah disalurkan kepada mana-mana masjid berdekatan yang memerlukan, atau
 - iii. Jika tidak; digunakan untuk pembinaan surau ataupun didirikan apa-apa bangunan yang menjadi masalah kepada mana-mana masjid dan agama Islam seperti balai lintang, taman asuhan kanak-kanak dan sebagainya.

Jika tiada pihak yang dinyatakan di atas dapat menerima barang / perkakas masjid lama yang masih boleh digunakan tersebut maka harus Jawatankuasa masjid menjualnya dan hasil jualan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam tabung masjid berkenaan.

TARIKH KEPUTUSAN : 30 JULAI 2020